

Hukum Penggunaan *Kulit Haiwan Yang Mati Tanpa Disembelih*

“Setiap daripada kulit haiwan yang menjadi najis disebabkan mati (iaitu bangkai) boleh disucikan dengan proses samak kecuali babi dan anjing atau apa yang lahir dari kedua-duanya.”

(Al-Majmu' Syarah al-Muhazzab, Jilid 1 halaman 214)



Oleh itu, penggunaan kulit haiwan yang mati tanpa disembelih untuk dijadikan sebagai kasut, dompet, kompartemen dan seumpamanya adalah **diharuskan** dengan syarat disamak terlebih dahulu.

Imbas kod QR untuk
penerangan lanjut:

 <https://muftinegeri.sarawak.gov.my>  +60 82-507500

Hukum Penggunaan Kulit Haiwan Yang Mati Tanpa Disembelih

Islam mempunyai garis panduan dan aturan dalam semua aspek kehidupan termasuklah perkara yang berkaitan dengan penggunaan kulit haiwan. Memandangkan penggunaan barangan yang diperbuat daripada kulit haiwan telah menjadi keperluan, jadi tidak hairanlah ia telah dijadikan sebagai sumber ekonomi bagi sesetengah pihak. Antara produk yang dihasilkan ialah kasut, beg, tali pinggang dan sebagainya.

Terdapat beberapa hadis yang menerangkan berkenaan mengambil manfaat daripada kulit haiwan yang telah mati atau bangkai:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ وَجَدَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَاةً مَيِّتَةً أُعْطِيَتْهَا مَوْلَاةٌ لِمَيْمُونَةَ مِنَ الصَّدَقَةِ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "هَلَّا انْتَفَعْتُمْ بِجِلْدِهَا". قَالُوا إِنَّهَا مَيِّتَةٌ.
قَالَ "إِنَّمَا حَرَّمَ أَكْلُهَا"

Maksudnya: “Daripada Ibnu Abbas Radhiallahu ‘anhuma, dia berkata: Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam telah menemukan kambing yang merupakan sedekah seorang hamba kepada Maimunah dalam keadaan mati. Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam: Mengapa kamu tidak mengambil manfaat dengan kulitnya? Para sahabat menjawab;

kambing itu telah menjadi bangkai. Kemudian Nabi pun menjawab; sesungguhnya yang diharamkan adalah memakannya.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, Sahih Bukhari, no. 1492)

Dalam satu riwayat daripada Ibnu Abbas Radhiallahu ‘anhuma juga menyebutkan:

فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَلَا أَخَذُوا إِهَابَهَا فَدَبَّعُوهُ فَاذْبَعُوا بِهِ

Maksudnya: “...Telah berkata Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam: Kenapa mereka tidak mahu mengambil kulitnya (kambing), lalu disamak, seterusnya mereka memanfaatkan kulitnya.”

(Hadis Riwayat Muslim, Sahih Muslim, no.363)

Berdasarkan hadis daripada Salamah bin al-Muhabbak juga menyebutkan iaitu:

أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ دَعَا بِمَاءٍ مِنْ عِنْدِ امْرَأَةٍ قَالَتْ مَا عِنْدِي إِلَّا فِي قُرْبَةٍ لِي مَيْتَةٍ . قَالَ " أَلَيْسَ قَدْ دَبَّغْتَهَا " . قَالَتْ بَلَى . قَالَ " فَإِنَّ دِبَاغَهَا ذَكَاتُهَا "

Maksudnya: “Sesungguhnya Nabi Sallallahu ‘alaihi wasallam ketika perang Tabuk telah meminta air daripada seorang perempuan. Perempuan itu berkata: Tiada apa pada aku melainkan ada bekas air yang dibuat daripada kulit bangkai. Nabi bertanya: Bukankah kamu telah menyamaknya? Perempuan itu menjawab: Sudah pasti. Nabi bersabda: Sesungguhnya samak itu sama dengan menyembelihnya (iaitu menjadi suci dan boleh digunakan).”

(Hadis Riwayat an-Nasaie, Sunan an-Nasaie, no.4243)

Hadis di atas adalah sebagai dalil bahawa menyamak itu mensucikan kulit bangkai seluruh jenis haiwan. Dalam hal perumpamaan menyamak dengan penyembelihan merupakan pemberitahuan bahawa menyamak dalam hal mensucikan itu sama kedudukannya dengan penyembelihan kambing dalam kehalalannya. Hal demikian adalah kerana penyembelihan menjadikannya bersih dan halal memakannya.

Dalam hal ini Imam an-Nawawi menyatakan bahawa: “Setiap daripada kulit haiwan yang menjadi najis disebabkan mati (iaitu bangkai) boleh disucikan dengan proses samak kecuali babi dan anjing atau apa yang lahir dari kedua-duanya.”

(al-Majmu' Syarah al-Muhazzab, Jilid 1 halaman 214)

Hadis-hadis di atas juga telah menjelaskan secara umum mengenai keharusan mengambil manfaat dan menggunakan kulit binatang yang telah mati setelah proses samak dibuat. Manakala yang diharamkan hanyalah untuk dimakan.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada dalil dan penjelasan ulama dapat disimpulkan bahawa menggunakan kulit haiwan yang mati bukan kerana disembelih untuk dijadikan bekas atau tempat minuman adalah **harus**.

